



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENCAPAIAN MURID CEMERLANG SEKOLAH RENDAH DAERAH
PETALING UTAMA DALAM KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA ARAB***

ZULKIFLI CHE KOB

FBMK 2017 64



**PENCAPAIAN MURID CEMERLANG SEKOLAH RENDAH DAERAH
PETALING UTAMA DALAM KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA ARAB**

Oleh

ZULKIFLI CHE KOB

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Master Sastera**

April 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PENCAPAIAN MURID CEMERLANG SEKOLAH RENDAH DAERAH
PETALING UTAMA DALAM KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA ARAB**

Oleh

ZULKIFLI CHE KOB

April 2017

Pengerusi : Profesor Madya Abd Rauf bin Hassan, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kemahiran membaca merupakan salah satu daripada kemahiran asas bahasa yang perlu dikuasai oleh murid sekolah rendah. Dapatan kajian di Malaysia menunjukkan salah satu kelemahan murid dalam mempelajari bahasa Arab ialah kegagalan membaca BA dengan baik. Bukti kelemahan ini dapat dilihat dalam aspek bacaan nyaring dan bacaan senyap. Kelemahan ini memberi kesan terhadap pembelajaran BA khususnya bagi murid-murid peringkat rendah. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk 1) mengukur tahap pencapaian kemahiran membaca BA dalam kalangan murid tahun 6, 2) menganalisis pencapaian murid dalam bacaan BA secara nyaring dan senyap, 3) mengenal pasti perbezaan pencapaian kemahiran membaca di antara murid lelaki dengan perempuan. Soalan ujian dijadikan instrumen dalam kajian ini. Ia dibina berasaskan dua teori utama iaitu *Teori Tu'aymah* dan *Teori Bottom-Up Reading*. Seramai 200 orang murid tahun 6 dijadikan responden. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar responden (75%) berada pada tahap yang baik dalam kemahiran membaca secara keseluruhan. Sementara itu, majoriti murid dapat menyebut kelima-lima aspek dalam bacaan nyaring. Manakala murid dapat menguasai dalam aspek pengetahuan makna perkataan dan didapati lemah dalam aspek penggunaan perkataan dalam ayat dalam bacaan senyap. Selain itu, kajian mendapati tiada perbezaan yang signifikan di antara murid lelaki dengan perempuan dalam bacaan nyaring tetapi ada perbezaan di antara mereka dalam bacaan senyap. Walau bagaimanapun wujud perbezaan yang signifikan di antara murid lelaki dengan perempuan dalam kemahiran membaca secara keseluruhan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Arts

ARABIC LANGUAGE READING SKILL ACHIEVEMENT AMONG EXCELLED PRIMARY STUDENTS IN PETALING UTAMA

By

ZULKIFLI CHE KOB

April 2017

Chairman : Associate Professor Abd Rauf bin Hassan, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Reading is one of the language skills that need to be mastered by the primary school students. Results from many researches been conducted in Malaysia showed one of the students' weaknesses in learning Arabic Language is a failure to read the language fluently. This element of weakness was shown in the aspect of loud reading (pronunciation) and silent reading (comprehension). As a result, the failure might affect the Arabic Language learning especially for primary students. Thus, this study was designed to (1) evaluate the achievement levels of Arabic Language reading skill among Standard Six students (2) analyze the students' achievement in the aspect of loud and silent reading (3) identify the reading achievement differences between male and female students. Test questions were used as the research instrument. The current study employed two main theories, namely the *Tu 'aymah Theory* and *Bottom-Up Reading Theory*. Two hundred Standard Six students were appointed as the respondents. The results of the study showed 75% of respondents have mastered the Arabic reading skills. A majority of them were able to recite all the five aspects of loud reading. They also knew the proper meaning of Arabic words. However, students were found to be incompetent in terms of using the Arabic words in the sentences as in silent reading. In addition, the study found that there was no significant difference between male and female students in loud reading, but silent reading. Nevertheless, there was a significant difference between male and female students in a reading skill on the overall.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

ان الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره, ونعوذ بالله من شرور أنفسنا وسيئات أعمالنا, من يهده الله فلا مضل له, ومن يضلل فلا هادي له, وأشهد أن لا اله الا الله وحده لا شريك له, وأشهد أن لا اله الا الله وحده لا شريك له, وأشهد أن محمدا عبده ورسوله.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T dan saya bersyukur kerana dengan taufik dan hidayahNya dapat menyiapkan disertasi ini dengan jayanya.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof Dr Abd Rauf bin Tan Sri Hassan selaku ketua penyelia dan Dr Che Radiah binti Mezah selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan, pertolongan dan tunjuk ajar serta teguran yang membina dalam menyiapkan disertasi ini.

Ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM atas curahan ilmu yang tidak ternilai terutamanya Dr Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok dan Dr Ab Halim bin Mohamad.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah yang sempat pengkaji berjumpa untuk mendapat nasihat, penerangan yang berguna bagi menyiapkan disertasi ini seperti Dr Nik Farhan dari UPM, Dr Mohd Zaki dari UM, Dr Nor Hayuza dari UITM Shah Alam dan En Abbas bin Tambah dari Jabatan Pendidikan Selangor yang telah banyak memberi pandangan dan semangat sepanjang kajian ini.

Penghargaan juga kepada semua guru-guru yang telah mendidik diri ini dari sekolah rendah hinggalah ke peringkat menara gading. Kepada sahabat-sahabat yang memberi dorongan dan semangat dalam mengejar cita-cita ini.

Seterusnya kepada ibu-bapa Hajjah Nafisah binti Salleh dan Haji Che Kob bin Ibrahim yang merupakan guru pertama dalam hidup ini. Anakanda hulurkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kerana menjaga dan membesarkan anakanda ini dari kecil sehinggalah sekarang.

Pengorbanan, ketabahan dan kesabaran dalam mendidik diri ini hanya Allah S.W.T yang mampu membalasnya.

Seraut kasih dan sayang diucapkan kepada isteri Siti Zaini binti Mat Husin. Jutaan terima kasih kerana memahami diri ini serta bantuan, sokongan dan kerjasama yang diberikan sepanjang pengajian ini. Anak-anak Nur Iffah Anisa, Muhammad Imtiyaz Najwan, Muhammad Ilman Musyrif dan Muhammad Badrul Munir yang menjadi nadi semangat dalam menempuh perjuangan ini. Semoga segala usaha dan pengorbanan ini diterima oleh Allah S.W.T dan semoga beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Zulkifli Bin Che Kob
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

3 Ogos 2017



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 17 April 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Zulkifli bin Che Kob bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Pencapaian Murid Cemerlang Sekolah Rendah Daerah Petaling Utama dalam Kemahiran Membaca Bahasa Arab" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nik Farhan binti Mustapha, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Rosni bin Samah, PhD

Profesor Madya
Universiti Sains Islam Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 September 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Abd Rauf bin Hassan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Univesiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Radiah binti Mezah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Univesiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Zulkifli Che Kob, GS 37810

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Abd Rauf bin Hassan

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Che Radiah binti Mezah

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
PANDUAN TRANSLITERASI	xviii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.3 Permasalahan Kajian	3
	1.4 Persoalan Kajian	4
	1.5 Objektif Kajian	4
	1.6 Kepentingan Kajian	4
	1.7 Batasan Kajian	6
	1.7.1 Responden Kajian	6
	1.7.2 Kemahiran Bahasa	6
	1.7.3 Aspek Penilaian	6
	1.8 Kesimpulan	7
2	SOROTAN LITERATUR	8
	2.1 Pengenalan	8
	2.2 Kemahiran Bahasa	8
	2.3 Kemahiran Membaca	8
	2.3.1 Definisi Membaca	9
	2.3.2 Jenis-jenis Bacaan	10
	2.3.2.1 Bacaan Nyaring	10
	2.3.2.2 Bacaan Senyap	11
	2.3.3 Objektif Kemahiran Membaca BA J-QAF	12
	2.3.4 Masalah Kemahiran Membaca	13
	2.3.5 Penilaian Kemahiran Membaca	15
	2.4 Teori Membaca	17
	2.4.1 Teori Sarjana Arab	18
	2.4.2 Teori Sarjana Barat	20
	2.5 Isu dalam Kemahiran Membaca BA	24
	2.6 Program j-QAF	27
	2.6.1 Konsep Program j-QAF	27
	2.6.2 Objektif Program j-QAF	28
	2.6.3 Model Program j-QAF	28

2.6.3.1	Model Perluasan Bahasa Arab j-QAF	29
2.7	Kesimpulan	29
3	METODOLOGI KAJIAN	30
3.1	Pengenalan	30
3.2	Reka Bentuk Kajian	30
3.2.1	Kajian Lapangan	30
3.3	Populasi dan Responden Kajian	31
3.3.1	Populasi Kajian	31
3.3.2	Responden Kajian	32
3.4	Lokasi Kajian	33
3.4.1	Penentuan Sekolah	33
3.5	Instrumen Kajian	34
3.5.1	UKMBA	34
3.5.1.1	Kriteria Pembinaan Soalan Ujian	35
3.5.1.2	Item Soalan Ujian	35
3.5.1.3	Bentuk Soalan Ujian	36
3.5.1.4	Aspek Penilaian Soalan Ujian	37
3.6	Prosedur Kajian	38
3.6.1	Peringkat Pelaksanaan Kajian	38
3.6.1.1	Peringkat Kajian Rintis	39
3.6.1.2	Peringkat Kajian Sebenar	39
3.6.2	Peringkat Pengumpulan Data	40
3.6.3	Peringkat Analisis Data	40
3.6.3.1	Langkah-langkah Penganalisisan Data	41
3.7	Prosedur Pelaksanaan Kajian	44
3.8	Kesimpulan	45
4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	46
4.1	Pengenalan	46
4.2	Analisis Dapatan Kajian	46
4.2.1	Analisis Tahap Pencapaian Kemahiran Membaca BA dalam Kalangan Murid Tahun 6	47
4.2.2	Analisis Pencapaian Murid dalam Bacaan Nyaring dan Senyap	48
4.2.2.1	Analisis Pencapaian Murid dalam Bacaan Nyaring	48
4.2.2.2	Analisis Pencapaian Murid dalam Bacaan Senyap	53
4.2.3	Analisis Perbezaan Pencapaian Kemahiran Membaca BA di antara Murid Lelaki dengan Perempuan	58
4.3	Perbincangan Analisis Dapatan Kajian	59
4.3.1	Perbincangan Kemahiran Membaca BA dalam Kalangan Murid Tahun 6	60
4.3.2	Perbincangan Pencapaian Bacaan Nyaring dan Senyap	60

4.3.2.1	Perbincangan Pencapaian Bacaan Nyaring	60
4.3.2.2	Perbincangan Pencapaian Bacaan Senyap	61
4.3.3	Perbincangan Perbezaan Pencapaian Kemahiran Membaca BA di antara Murid Lelaki dengan Perempuan	63
4.4	Kesimpulan	63
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	64
5.1	Pengenalan	64
5.2	Rumusan	64
5.3	Cadangan Kelas Pembelajaran Kemahiran Membaca BA	64
5.4	Cadangan Penyelidikan akan Datang	65
5.5	Penutup	66
	BIBLIOGRAFI	67
	LAMPIRAN	71
	BIODATA PELAJAR	88

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1.1	Batasan Kajian	7
2.1	Peringkat dalam Proses Membaca	20
3.1	Agihan Set UKMBA	33
3.2	Spesifikasi Ujian Set Ujian 2 (Bacaan Senyap)	35
3.3	Perkataan yang di uji	36
3.4	Frasa yang di uji	36
3.5	Aspek Penilaian Bacaan Nyaring	37
3.6	Aspek Penilaian Bacaan Senyap	38
3.7	Pemarkahan Set Ujian	41
3.8	Pengiraan Peratusan Set Ujian	42
3.9	Penggredan Markah Set Ujian	42
3.10	Skala Markah Aspek Penilaian	42
4.1	Pencapaian Kemahiran Membaca BA Keseluruhan	47
4.2	Taburan Kekekapan dan Peratusan Bacaan Nyaring dalam Kategori Lemah, Sederhana dan Cemerlang	49
4.3	Pencapaian Bacaan Nyaring dalam Kategori Lemah	50
4.4	Pencapaian Bacaan Nyaring dalam Kategori Sederhana	51
4.5	Pencapaian Bacaan Nyaring dalam Kategori Cemerlang	52
4.6	Perbandingan Kategori Lemah, Sederhana dan Cemerlang dalam Bacaan Nyaring	52
4.7	Taburan Kekekapan dan Peratusan Bacaan Senyap dalam Kategori Lemah, Sederhana dan Cemerlang	54
4.8	Pencapaian Bacaan Senyap dalam Kategori Lemah	55

4.9	Pencapaian Bacaan Senyap dalam Kategori Sederhana	56
4.10	Pencapaian Bacaan Senyap dalam Kategori Cemerlang	57
4.11	Perbandingan Kategori Lemah, Sederhana dan Cemerlang dalam Bacaan Senyap.	58
4.12	Pencapaian Kemahiran Membaca Keseluruhan Berdasarkan Gender	59
4.13	Pencapaian Bacaan Nyaring Berdasarkan Gender	59
4.14	Pencapaian Bacaan Senyap Berdasarkan Gender	59



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
2.1	Teori Membaca	23
3.1	Reka Bentuk Kajian	31
3.2	Aliran Pengumpulan dan Penganalisan Data	44
3.3	Aliran Prosedur Pelaksanaan Kajian	45
4.1	Pencapaian Kemahiran Membaca BA Keseluruhan	48
4.2	Taburan Kekerapan dan Peratusan Bacaan Nyaring dalam Kategori Lemah, Sederhana dan Cemerlang	49
4.3	Pencapaian Bacaan Nyaring dalam Kategori Lemah	50
4.4	Pencapaian Bacaan Nyaring dalam Kategori Sederhana	51
4.5	Pencapaian Bacaan Nyaring dalam Kategori Cemerlang	52
4.6	Perbandingan Kategori Lemah, Sederhana dan Cemerlang dalam Bacaan Nyaring	53
4.7	Taburan Kekerapan dan Peratusan Bacaan Senyap dalam Kategori Lemah, Sederhana dan Cemerlang.	54
4.8	Pencapaian Bacaan Senyap dalam Kategori Lemah	55
4.9	Pencapaian Bacaan Senyap dalam Kategori Sederhana	56
4.10	Pencapaian Bacaan Senyap dalam Kategori Cemerlang	57
4.11	Perbandingan Kategori Lemah, Sederhana dan Cemerlang dalam Bacaan Senyap	58

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka surat
A	Set Ujian 1	71
B	Set Ujian 2	74
C	Jadual Induk Analisis Ujian (JIAK)	80
D	Keputusan Peperiksaan BA Akhir Tahun 2012-2014	85
E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari KPM	86
F	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari JPN	87

SENARAI KEPENDEKAN

B2	Bahasa Kedua
BA	Bahasa Arab
SR	Sekolah Rendah
J-QAF	Jawi, al-Quran, Arab, Fardhu Ain
JAPIM	Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral
PDP	Pengajaran Dan Pembelajaran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
SKS9	Sekolah Kebangsaan Seksyen 9
SKS7	Sekolah Kebangsaan Seksyen 7
SKS6	Sekolah Kebangsaan Seksyen 6
SKS11	Sekolah Kebangsaan Seksyen 11
S.A.W	صلى الله عليه وسلم
S.W.T	سبحانه وتعالى
SM	Sekolah Menengah
IPT	Institut Pengajian Tinggi
BAK	Bahasa Arab Komunikasi
DBP	Dewan Bahasa Dan Pustaka
UiTM	Universiti Teknologi Mara
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
YAB	Yang Amat Berhormat

PI	Pendidikan Islam
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
KSSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
UKMBA	Ujian Kemahiran Membaca Bahasa Arab
PPDPU	Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama
SP	Sukatan Pelajaran
HSP	Huraian Sukatan Pelajaran
JSU	Jadual Spesifikasi Ujian
RPT	Rancangan Pelajaran Tahunan
JIAK	Jadual Induk Analisis Keseluruhan
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
JAP	Jadual Aspek Penilaian

TRANSLITERASI

No	Huruf Arab	Huruf Latin	No	Huruf Arab	Huruf Latin
1	ا	,	18	ع	'
2	ب	b	19	غ	gh
3	ت	t	20	ف	f
4	ث	th	21	ق	q
5	ج	j	22	ك	k
6	ح	h	23	ل	l
7	خ	kh	24	م	m
8	د	d	25	ن	n
9	ذ	dh	26	و	w
10	ر	r	27	ه	h
11	ز	z	28	ء	,
12	س	s	29	ي	y
13	ش	sh	30	ة	ah#
14	ص	ṣ			
15	ض	ḍ			
16	ط	ṭ			
17	ظ	ẓ			

Ditransliterasi sebagai "at" dalam konteks gabungan dua perkataan.

VOKAL PENDEK		
No	Arab	Rumi
1	اَ	a
2	اِ	i
3	اُ	u

VOKAL PANJANG		
No	Arab	Rumi
1	اَـ	ā
2	اِـ	ī
3	اُـ	ū

DIFTONG		
No	Arab	Nama dan Transliterasi
1	اَيَـ	ay
2	اَوَـ	aw

Transliterasi ini berdasarkan “ Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi” yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. (Edisi Kedua 2008, hal. 1-2)

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa merupakan aspek penting bagi kanak-kanak sama ada bahasa ibunda, bahasa kedua (B2) atau bahasa asing. Kanak-kanak yang berkebolehan dalam sesuatu bahasa melambangkan peningkatan sahsiah kanak-kanak tersebut memandangkan keperluan menguasai berbagai-bagai bahasa ketika ini lebih-lebih lagi penguasaan dalam bahasa Arab (BA).

Sehubungan itu, Oxford & Crookall (1989) berkata dewasa ini pembelajaran bahasa merupakan sesuatu yang amat penting, justeru pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan untuk mendorong murid supaya mempelajari pelbagai bahasa supaya murid bukan hanya mahir dalam bahasa ibunda sahaja. Bagi memastikan murid mahir dan berjaya dalam menguasai sesuatu bahasa, para guru harus mengajar dan membantu murid-murid menggunakan strategi belajar yang berkesan.

Tumpuan kajian ini berdasarkan objektif khusus BA sekolah rendah (SR) dari aspek kemahiran membaca yang terkandung dalam sukatan BA j-QAF, iaitu "murid-murid dapat membaca dengan betul dan memahami perkataan dan ayat BA". (JAPIM, 2006).

Berdasarkan objektif sukatan tersebut, seseorang murid yang mempelajari sesuatu bahasa perlulah mempunyai strategi yang baik dalam pembelajaran mereka lebih-lebih lagi mempelajari BA. Lebih dari itu, seseorang murid perlulah menguasai kemahiran-kemahiran bahasa yang empat khususnya kemahiran membaca supaya boleh dikatakan murid tersebut dapat menguasai BA dengan baik. Hakikat ini jelas seperti yang dinyatakan oleh Mujawar (1988), bahawa penguasaan kosa kata bahasa seseorang murid perlulah berasaskan kepada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengetahui dengan lebih jelas lagi terhadap kemahiran membaca BA. Keupayaan dalam kemahiran membaca BA yang dimaksudkan di sini adalah mengenal pasti keupayaan murid-murid membaca perkataan-perkataan dan ayat-ayat BA serta keupayaan mereka dalam pemahaman BA yang mereka pelajari. Kedua-dua keupayaan ini berdasarkan aspek penilaian yang telah ditetapkan oleh pengkaji dalam kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam konteks mempelajari BA sebagai B2 atau bahasa asing, ia seharusnya menumpukan kepada kemahiran membaca secara tekal dan jitu disamping tidak menafikan kemahiran-kemahiran yang lain. Selain itu, pembelajaran bahasa juga perlu mengikut pemeringkatan pembelajaran bahasa seperti mempelajari ilmu pembentukan kata (morfologi) yang dikenali sebagai ilmu *al-Sarf* dan pembelajaran penstrukturan ayat (sintaksis) iaitu dinamakan sebagai ilmu *al-Nahw*.

Sekiranya pemeringkatan pembelajaran unsur bahasa tersebut dicapai dan dikuasai dengan jayanya, maka ia akan menghasilkan penguasaan bahasa dan kemahiran-kemahirannya secara holistik dan bersepadu. Ini berdasarkan kenyataan oleh al-Fawzan et. al (2005: 143), penguasaan BA sebagai B2 perlulah kepada pengajaran unsur-unsur bahasanya secara tersusun dan teratur mengikut pemeringkatannya iaitu, pengajaran ilmu *al-Saut* (ilmu fonetik), pengajaran *al-Mufradat* (kosa kata) serta pengajaran *al-Tarkib* (sintaksis) di samping menekankan aspek kemahiran bahasanya iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Sehubungan itu, kebiasaannya murid-murid tidak mempunyai masalah yang besar untuk membaca perkataan dan ayat dalam bahasa ibunda mereka sendiri, namun situasi ini berbeza apabila mereka menggunakan bahasa lain dalam sesuatu pembacaan. Oleh itu, kelemahan murid membaca perkataan dan ayat BA dengan baik memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik mereka. Kelemahan ini menyebabkan mereka mendapat markah yang rendah atau berkemungkinan gagal dalam mata pelajaran BA berbanding dengan mata pelajaran lain. Ini akan menjejaskan minat dan kesungguhan mereka untuk terus mengikuti pembelajaran BA ke peringkat yang lebih tinggi.

Kenyataan di atas, menunjukkan penguasaan kemahiran membaca BA sangat penting. Hal ini kerana membaca BA bukanlah sesuatu yang mudah kerana memerlukan pengorbanan yang besar dan memerlukan penumpuan yang khusus terhadap bahasa tersebut. Menurut Marohaini (1999) beliau menyatakan bahawa keupayaan penguasaan membaca untuk membina makna sering diberikan penekanan agar dapat meningkatkan penguasaan pemahaman membaca murid. Oleh itu, proses membaca bukan sekadar menjawab soalan pemahaman atau memahami makna beberapa kata atau rangkaian kata, tetapi melibatkan proses mendapatkan makna teks dan strategi yang digunakan untuk tujuan pemahaman.

Justeru itu, kajian ini merupakan satu kajian unsur bahasa secara analisis yang merujuk kepada penguasaan kemahiran membaca BA iaitu bacaan nyaring (lisan) dan bacaan senyap (pemahaman). Bacaan nyaring terhadap

aspek *Alif Lam Syamsiyyah dan Alif Lam Qamariyyah, Alif Mad, Wau Mad dan Ya Mad*. Manakala bacaan senyap terhadap pengetahuan makna perkataan dan penggunaan perkataan dalam ayat.

Oleh yang demikian, penguasaan terhadap kemahiran membaca dalam kajian ini merujuk kepada kebolehpayaan membaca perkataan dan ayat BA serta memahaminya berdasarkan program j-QAF berpandukan Buku Teks BA Tahun 6 pada tahun 2014. Begitu juga, pemilihan perkataan BA yang diuji dalam kajian ini berdasarkan Kurikulum BA Tahun 6 Program j-QAF. (JAPIM, 2006).

1.3 Permasalahan Kajian

Berdasarkan tinjauan pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, kajian yang membincangkan secara terperinci tentang kemahiran membaca BA di SR amat sedikit. Sepatutnya kajian seperti ini perlu dilaksanakan keranadapatan kajian di Malaysia menunjukkan salah satu kelemahan murid dalam mempelajari bahasa Arab adalah kegagalan membaca BA dengan baik. Mat Taip Pa et al. (2006) bahawa pencapaian BA dalam kalangan pelajar melayu sangat lemah. Kelemahan ini sudah pastinya dalam kemahiran membaca kerana kertas soalan BA meliputi kemahiran membaca sama ada bacaan nyaring atau bacaan senyap.

Dalam hal ini, Abdul Malek (1996); Raja Mohd Fauzi et al. (1999); Sweedan (2004); Nasimah (2006) dalam Kamarul Shukri Mat Teh et al. (2012: 34), turut melaporkan bahawa tahap kefahaman membaca BA agak lemah. Hal ini kerana membaca merupakan salah satu kemahiran bahasa yang penting untuk dikuasai samaada dalam bahasa ibunda atau bahasa kedua. Tidak lengkap mempelajari sesuatu bahasa melainkan seseorang dapat menguasai kemahiran membaca bahasa yang dipelajari. Kamarudin dan Siti Hajar (1998) kebolehan membaca bukan sahaja dianggap sebagai asas utama bagi mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi dan sosial malah, dalam sistem persekolahan ianya sebagai asas untuk terus meningkat ke peringkat yang lebih tinggi.

Dalam pada itu, kajian Nik Muhammad Rahimi (2010), Norazman, (2006); Mohd Nasir, (2001); Naimah, (1995); Nur Hafizah, (2011) telah memaparkan kelemahan murid dalam kesalahan ejaan, sebutan dan kemahiran membaca BA.

Berdasarkan kenyataan diatas, jelaslah di sini bahawa kelemahan membaca dan memahami apa yang dibaca telah mempengaruhi pencapaian murid-murid dalam BA. Walau bagaimanapun, tiada kajian khusus tentang tahap pencapaian murid-murid SR dalam kemahiran ini.

Justeru itu, amat wajar dilaksanakan satu kajian tentang penguasaan kemahiran membaca BA. Namun demikian, kajian ini hanya dikhususkan terhadap aspek-aspek berikut iaitu *Alif Lam Syamsiyyah*, *Alif Lam Qamariyyah*, *Alif Mad*, *Wau Mad*, *Ya Mad*, pengetahuan makna perkataan dan penggunaan perkataan dalam ayat.

Selain itu, pemilihan terhadap aspek-aspek ini kerana berdasarkan Sukatan Pelajaran BA Tahun 6 di SR seterusnya dapat mengetahui tahap pencapaian pembelajaran BA Program j-QAF dalam kemahiran membaca BA.

1.4 Persoalan kajian

Beberapa persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini. Di antara persoalan tersebut adalah seperti berikut:

- a) Apakah tahap pencapaian kemahiran membaca BA dalam kalangan murid tahun 6?
- b) Apakah pencapaian murid dalam bacaan BA secara nyaring dan senyap?
- c) Adakah terdapat perbezaan pencapaian kemahiran membaca BA diantarapelajar lelaki dengan perempuan?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah bertujuan seperti berikut:

- a) Mengukur tahap pencapaian kemahiran membaca BA dalam kalangan murid tahun 6.
- b) Menganalisis pencapaian murid dalam bacaan BA secara nyaring dan senyap.
- c) Mengenal pasti perbezaan pencapaian kemahiran membaca BA di antara pelajar lelaki dengan perempuan.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting kerana ia akan menunjukkan sejauhmanakah kemampuan dan penguasaan murid-murid dalam membaca BA. Semoga kajian ini boleh menjadi pengukur kepada keberkesanan pelaksanaan pembelajaran BA di SR. Oleh itu kajian ini amat penting semoga menjadi harapan pengkaji segala maklumat yang dihasilkan dari kajian ini mempunyai implikasi kepada pihak-pihak berikut:

1) Pengkaji

Hasil kajian ini sangat penting buat pengkaji kerana merupakan seorang guru j-QAF yang mengajar mata pelajaran BA. Dapatan dari data-data sekunder memantapkan lagi pengetahuan tentang keperluan dan kekangan yang perlu dihadapi bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) BA. Hasil daripada dapatan primer samada yang positif atau negatif merupakan pengalaman guru-guru BA dan ianya amat berguna sebagai pedoman dalam pembelajaran BA kearah lebih berkesan semoga objektif tercapai.

2) Guru dan Pensyarah BA

Selain itu, kajian ini amat penting untuk guru-guru dan pensyarah-pensyarah BA kerana penguasaan murid terhadap BA akan dapat diukur dengan tepat dan jelas dengan melihat sejauhmanakah kemampuan murid dalam menguasai perkataan dan ayat khususnya dalam kemahiran membaca. Guru dan pensyarah dapat menilai semula keberkesanan pengajarannya dengan melihat kemampuan murid-muridnya dalam membaca perkataan ataupun ayat BA. Langkah seterusnya dengan mencari kekuatan dan kelemahan untuk diperbaiki. Keupayaan murid dalam membaca perkataan dan ayat dengan baik dan dengannya dapat menyampaikan mesej dengan jelas adalah bukti kukuh keberkesanan pengajaran dalam kemahiran tersebut, begitu juga sebaliknya. Secara tidak langsung ianya menjadi kayu pengukur kepada pihak guru dalam menilai keberkesanan pengajarannya.

3) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

Seterusnya diharapkan kajian ini memberi tindak balas yang berguna kepada KPM dan JPN. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan maklum balas kepada pihak Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), KPM sebagai penambahbaikan khususnya dalam matapelajaran BA. Dapatan ini juga dijadikan pengukur untuk menilai sama ada objektif pembelajaran BA tercapai ataupun tidak. Dapatan ini juga akandapat membantu pihak berkenaan untuk menyediakan keperluan-keperluan berbentuk fizikal, bimbingan motivasi dan sebagainya.

4) Murid Sekolah

Akhir sekali semoga hasil kajian ini menjadi bahan bacaan kepada murid-murid SR supaya dapat menarik minat mereka dalam mempelajari BA seterusnya dapat meninggikan taraf BA itu sendiri serta yang paling penting dapat menguasai bacaan *al-Qurān* dan *al-Hadīth* dengan baik.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian ini meliputi tiga perkara iaitu responden kajian / subjek kajian, kemahiran bahasa dan aspek penilaian. Huraian secara terperinci tentang batasan tersebut adalah seperti berikut.

1.7.1 Responden Kajian

Kajian ini dijalankan di empat buah SR iaitu Sekolah Kebangsaan Seksyen 9 (SKS9), Sekolah Kebangsaan Seksyen 7 (SKS7), Sekolah Kebangsaan Seksyen 6 (SKS6) dan Sekolah Kebangsaan Seksyen 11 (SKS11) yang terletak di Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor. Seterusnya pemilihan responden dalam kajian ini hanyalah terhadap murid-murid tahun 6 sahaja tanpa melibatkan murid-murid lain. Justeru itu, pemilihan responden dalam kalangan murid-murid tahun 6 disebabkan mereka adalah merupakan tahun yang terakhir dalam program j-QAF. Oleh itu, amat wajar sekali pemilihan mereka sebagai responden untuk mewakili murid-murid yang lain seterusnya menilai tahap penguasaan kemahiran membaca BA sebelum mereka menjejaki ke alam persekolahan menengah.

1.7.2 Kemahiran Bahasa

Berkaitan dengan kemahiran bahasa, pengkaji menumpukan terhadap kemahiran membaca BA sahaja tanpa melibatkan kemahiran-kemahiran yang lain. Ini kerana seperti yang dinyatakan sebelum ini, kemahiran membaca adalah amat penting dalam menilai seseorang murid itu dapat menguasai ataupun tidak sesuatu bahasa yang dipelajari. Bahkan Cohen (1990) dalam Kamarul Shukri Mat teh et al (2012), menegaskan bahawa penguasaan kemahiran membaca berupaya memacu dinamika pembelajaran bahasa seseorang murid, manakala kelemahan menguasainya bukan sahaja boleh mematahkan semangat untuk mempelajari bahasa sasaran, bahkan juga boleh melunturkan keinginan untuk membaca. Dalam pada itu, kemahiran membaca yang akan dikaji meliputi bacaan nyaring dan bacaan senyap.

1.7.3 Aspek Penilaian

Aspek penilaian kemahiran membaca dalam kajian ini terhadap aspek-aspek yang telah ditetapkan berdasarkan buku teks yang digunapakai pada tahun 2014. Oleh itu, penilaian bacaan nyaring terbatas kepada 5 aspek iaitu *Alif Lam Syamsiyyah*, *Alif Lam Qamariyyah*, *Alif Mad*, *Wau Maddan* dan *Ya Mad*. Manakala penilaian bacaan senyap terbatas kepada 2 aspek sahaja iaitu pengetahuan makna dan penggunaan perkataan BA dalam ayat. Batasan kajian adalah seperti berikut:

BIBLIOGRAFI

Al-Qurān Al-Karīm

Abd Aziz Abdul Talib. (1996). *Menguji Kemahiran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Mohammad Abdul Kadir. (1986) *Turūq al-Ta'lim al-Lughah al-'Arabiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.

Ahmad Kilani Mohamed, Azhar Muhammad dan Kamarul Azmi Jasmi. (2004). *Kemahiran Membaca Dalam Bahasa Arab, Huraian Daripada Segi: Teori, Contoh Serta Pengalaman Pengajaran Di Universiti Teknologi Malaysia*. Fakulti Pengajian Islam. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

'Alyan, Ahmad Fu'ad. (2000). *al-Mahārāt al-Lughawiyah Māhiyatuhā Wa Turūq al-Tadrīs*. Riyādh: Dār al-Mua'lim.

Arif Karkhi Abu Khudairi (1993). *al-Tiqniyyat al-Hādīshah Fi Ta'lim al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Ghair al-'Arab*. Riyadh: Dār al-Mua'lim. Cetakan Kedua, bahagian Bahasa Arab, Pusat Bahasa Universiti Malaya.

Arsaythamby Velo, Arumugam Raman. (2013). *Kaedah Analisis & Interpretasi Data*. Kedah: Universiti Utara Malaysia. Cetakan Kedua.

Asmah Hj Omar. (2002). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

'Awamilah, Habas. (2004). *Mahārāt al- Ta'lim al Qirāat wa al Kitābah li Atfāl*, 'Amman: Dār Wīl. Cetakan pertama.

Che Radiah Mezah, Norhayuza Mohammad. (2011). *Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata Arab: Teori dan Aplikasi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Chua Yan Piaw .(2008). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Buku 1. Universiti Putra Malaysia. Serdang: Malaysia McGraw-Hill Sdn Bhd.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (1990). *Asas Perkaedahan Mengajar Bahasa: Siri Risalah Panduan Guru Bahasa KBSM (Jilid 1)*. Kuala Lumpur.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (1992). *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. (2008). *Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi*. Edisi ke 2. Kuala Lumpur.

- al-Fawzan Abdul Rahman bin Ibrahim et.al. (2005). *Durūs al-Daurah al-Tadrībiyyah li al-Mu'allimīn al-Lughah al-Arabiyyah li al-Ghair al-Nātiqīn bihā*. Riyādh: Muassasah al-Islami.
- Hasnurol Hasyim (2010). *Penguasaan Kosa Kata Arab Program J-QAF dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah*. Tesis Sarjana, Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.(2004) *j-QAF: Panduan Pelaksanaan Model dan Modul Pengajaran dan Pembelajaran*.Kementerian PelajaranMalaysia.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2006). *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2006). *Sukatan Pelajaran & Huraian Sukatan PelajaranProgram j-QAF*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kamarudin Husin, Siti Hajar Hj Abd Aziz. (1998). *Penguasaan Kemahiran Membaca: Kaedah dan teknik*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Cetakan Ketiga.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Zulazhan Ab Halim, Nurazan Mohmad Rouyan.Mohd Shahrizal Nasir (2012). *Dinamika Pendidikan Bahasa Arab: Menelusuri Inovasi Profesionalisme Keguruan*.Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin
- al-Khuli Muhammad Ali. (1982). *Asālib Tadrīs al-Lughah al-'Arabiyyah*. Riyādh: al-Farazdaq. Cetakan pertama.
- Mat Taip Pa, Mohd Rosdi Ismail. (2006) *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Marohaini Yusuf. (1999) *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nasir Bin Mohamed Hasbullah.(2001). *Analisis Kesilapan Sebutan Bahasa Al-Quran Di kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Master,Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Zuhir Abd Rahman. (2005). *Penilaian Dalam Pembelajaran: Satu Kajian Buku Teks KBSM Bahasa Arab Komunikasi*. Tesis Master, Unversiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Muhamad Fahmi Bin Abd Jalil (2012). *Penguasaan Pelajar Stam Terhadap Imbuan Kata Bahasa Arab*. Tesis Master. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mujawar Muhammad Solahuddin Ali.(1998). *Tadrīs al-Lughah al-‘Arabiyyah fi al-Marhalah al-Ibtidāiyyah Ususuhū wa Taṭbīqātuh*. Kuwait: Dār al Qalam li al-Nasyr wa al-Tauzi’.
- Naif Mahmud Ma’ruf. (1991). *Khasā’is al- Arabiyyah Wa al- Tarā’iq Tadrisuha*. Beirut: Dār al- Nafāis.
- Naimah Bt Abdullah. (1995). *Masalah Ejaan Arab Di Kalangan Pelajar Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Bahasa. Universiti Malaya.
- al-Naqah Mahmud Kamil. (1985). *Ta’līm al- Lughah al-‘Arabiyyah li al-Nāṭiqīn bilughatunUkhra*. Saudi Arabia: Universiti Ummul Qura.
- Nik Muhammad Rahimi Nik Yusoff, Harun Baharudin & Zamri Mahamod. (2010). *Tahap Sebutan Huruf Konsonan Arab dalam Kalangan Murid Prasekolah*. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35 (1) : 41-46.
- Norazman Mohd Noordin. (2006) *Penguasaan Kemahiran Membaca dalam Bahasa Arab: Satu kajian Kes*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nur Hafizah Ahmad Tajuddin. (2011). *Penguasaan Kemahiran Sebutan Bahasa Arab Melalui Kaedah Transliterasi: Satu Penilaian*. Tesis Master. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nurul Huda Bt Mohamad. (2012). *Strategi Membaca Teks Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu*. Tesis Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Oxford, R.L & Crookall, M.E.(1989). Language learning strategies: methods, finding, and Instructional implications. *The Modern Language Journal* 73 (4): 404-419.
- Raja Mohamad Fauzi et. al .(1999). *The Acquisition of Arabic Reading Comprehension Skills Among Religious secondary School Students: A Pilot Study*. *Jurnal Pendidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Jilid 24.
- Rikabi, Jaudat.(1973). *Turūq al-Tadrīs al-Lughah al-‘Arabiyyah*. Damsyik: Dārul Fikr. Cetakan Pertama.

- Rosni Bin Samah. (2009). *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Suraya Mohamad. (2005). *Kemahiran Bacaan Al-Qur'an Melalui Kaedah Al-Barqi: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana, Kuala Lumpur Universiti Malaya.
- Syahatah Hasan .(1993). *Ta'lim al-Lughah al-'Arabiyyah Baina al-Nazariyyah al-Tatbiq*. Lubnan: Dār al-Misriyyah al-Lubnaniyyah.
- S.Nathesan. (1999). *Pendekatan dan Teknik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tu'aymah, Rushdi Ahmad. (2006). *Al-Mahārāt al-Lughawiyah*. Al-Qāherah: Dārul Fikr al-'Arabi.
- Wan Azura Wan Ahmad et. al. (2006). *Pendekatan dan Strategi Efektif dalam Penguasaan Bahasa Arab*. Negeri Sembilan: USIM.
- Yahya Othman. (2008). *Proses & Strategi Membaca Berkesan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- al-Zuhaili, Wahbah. (2005). *Al-Tafsīr al-Munīr Fī al- 'Aqīdah Wa al- Sharī'ah Wa al-Manhaj*. Jilid 15. Damsyik: Dārul Fikr.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PENCAPAIAN MURID CEMERLANG SEKOLAH RENDAH DAERAH PETALING UTAMA
DALAM KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA ARAB

NAMA PELAJAR : ZULKIFLI CHE KOB

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]